

Epistemologi Islam dalam Penyelidikan Ilmiah berdasarkan Saranan al Quran Ayat Tematik Ulul Albab

Jazmi Md Isa Ph.D

Inst. Pend. Guru Kampus Darulaman

Jitra Kedah

jazmi@ipda.edu.my

Abstrak

Artikel ini dikemukakan bagi mendedahkan maksud penyelidikan ilmiah dari sudut epistemologi Islam berdasarkan saranan al Quran dengan memberi fokus kepada ayat-ayat al Quran bertema ulul albab. Al Quran yang sarat dengan aplikasi i'jaz lughawiy ternyata telah lama mengenengahkan saranan agar manusia membuat pemerhatian atau *observation* terhadap elemen disekeliling mereka dengan tidak melupakan unsur-unsur tauhid dan aqidah. Kaedah perbincangan artikel ini adalah berdasarkan kepada huraian dan tafsiran para ulama silam terhadap ayat bertema ulul albab melalui perspektif penggunaan kalimah-kalimah tertentu dalam bahasa Arab dengan membuat perbandingan antara falsafah penyelidikan dunia barat dengan dunia Islam. Ternyata melalui ketelitian tafsiran para ualama silam terhadap ayat-ayat al Quran bertema ulul albab telah mendedahkan bahawa terdapat banyak saranan dari al Quran agar manusia melakukan penyelidikan ilmiah dengan tidak melupakan hubungannya dengan unsur-unsur tauhid dan aqidah. Hasil penelitian juga mendedahkan bahawa penggunaan kalimah-kalimah tertentu dalam al Quran menunjukkan terdapatnya maksud tersirat dan mendalam pada kalimah-kalimah yang terdapat pada ayat ulul albab yang menjurus kepada galakan untuk melakukan kajian dan penyelidikan.

Kata kunci: epistemologi Islam, ulul albab, Ka'abah, falsafah pendidikan Islam dan Barat

Pengenalan

Perkembangan ilmu pengetahuan dalam semua disiplin ilmu dengan konsep yang ditawarkan al-Qur'an muktakhir ini dilihat bergerak tidak seiringan. Fenomena ini menggambarkan tahap kepedulian dan keprihatinan sebahagian umat Islam terhadap kitab suci al Quran yang mengandungi banyak isyarat ilmiah semakin berkurangan dan tidak seiringan dengan perkembangan ilmu pengetahuan di zaman moden. Sehingga munculnya Muhammad Mumtaz Ali (1994) dengan kenyataan bahawa paradigma penyelidikan ilmiah pada dasarnya mesti berasas dan berlandaskan al Quran agar usaha mengkonseptual semula (*reconceptualising*) penyelidikan ilmiah dapat dilakukan. Menurut Muhammad Mumtaz Ali (1994) lagi penyelidikan ilmiah secara sistematik dengan prosedur yang teratur perlu diintegrasikan dengan prinsip-prinsip sedia ada berasaskan al Quran. Bahkan terdapat andaian bahawa tidak ada kebenaran dalam ilmu pengetahuan melainkan bersumberkan al Qur'an. Menurut Hussein al-Tabataba'i (1984) terdapat beratus-ratus ayat al-Quran yang merakamkan penghargaan

terhadap peranan dan ketinggian ilmu pengetahuan dalam memartabatkan kehidupan manusia serta merangsang setiap individu muslim agar menimba, mengumpulkan, mengkaji dan memanfaatkan ilmu pengetahuan dengan melakukan pemerhatian terhadap perkara yang berlaku di sekeliling.

Al Quran yang sarat dengan maklumat dan pengetahuan juga menggesa umat Islam agar merenungi dan mengkaji kehebatan kejadian alam serta memanfaatkan akal (Sardar, 1989). Penumpuan kaum Muslimin terhadap al Quran sejak diwahyukan pada tahun 610-632 M dan mengambil masa selama 23 tahun adalah disebabkan al Quran menjadi sumber utama peraturan hidup dan asas kemajuan. Namun banyak masalah tidak dapat diselesaikan hanya dengan sekadar membuat pembacaan tanpa melakukan sebarang kajian sebagai proses dalam menyelesaikan sesuatu masalah.

Menurut Sekaran (2000) melalui penyelidikanlah proses penyelesaian kepada sesuatu masalah melalui analisis dan penelitian yang mendalam terhadap isu-isu yang berkaitan dapat dijalankan. Oleh itu boleh dikatakan penyelidikan merupakan satu seni untuk menyingkap (*the art of discovery*) suatu pengetahuan baru. Seseorang yang ingin menyingkap ilmu pengetahuan baru, perlu mempunyai ketekunan dan kemahiran dalam membuat kajian disamping perlu mempunyai gaya yang tersendiri (Abdullah Ghani, 2000). Al Quran telah meletakkan asas agar melakukan pemerhatian, penelitian dan kajian terhadap alam semesta, seperti firman Allah :

أَوَلَمْ يَنْظُرُوا فِي مَلَكُوتِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَمَا خَلَقَ اللَّهُ مِنْ شَيْءٍ وَأَنْ عَسَى أَنْ يَكُونَ قَدِ افْتَرَبَ أَجْلُهُمْ فَبِأَيِّ حَدِيثٍ بَعْدَهُ يُؤْمِنُونَ.

Maksudnya: Tidakkah mereka melihat pada tujuh lapisan langit dan bumi dan segala yang diciptakan Allah, mudah-mudahan dengan (memikirkan) bahawa telah dekat ajal kebinasaan mereka, maka kepada perkataan yang mana lagi sesudah (datangnya Kalamullah al-Quran) itu mereka mahu beriman (Surah al A'raf:185).

Epistemologi Islam dalam Penyelidikan Ilmiah

Secara etimologi, kata epistemologi berasal dari kata Yunani, *episteme* dan *logos*. *Episteme* bererti pengetahuan, sedangkan *logos* bererti ilmu. Jadi, epistemologi adalah teori tentang pengetahuan, juga merupakan cabang falsafah yang menyelidiki asal-usul, metode-metode dan sahnya sesuatu dapatan dalam penyelidikan ilmiah (Wikipedia, 2016). Menurut Runes (1971) dalam *Dictionary of Philosophy*, kata epistemologi berasal dari kata *episteme* ditambah kata *logos*. Dari akar kata ini muncul istilah epistemologi sebagai suatu cabang falsafah yang menyelidiki tentang keaslian, pengertian, struktur, metode dan validiti sesuatu ilmu pengetahuan. Nasution pula (1973) memberikan arti *episteme* sebagai

pengetahuan dan epistemologi ialah ilmu yang membahas tentang maksud pengetahuan dan bagaimana cara memperoleh pengetahuan.

Para penyelidik barat telah mengemukakan tiga perspektif aliran epistemologi, yaitu empirisme, rasionalisme, dan positivisme. Aliran empirisme berdasarkan pada alam, sesuai dengan penyelidikan ilmiah secara empiris. Menurut kamus Wikipedia (2016) empirisme adalah suatu aliran dalam falsafah yang menyatakan bahwa semua pengetahuan berasal dari pengalaman manusia. Empirisme menolak anggapan bahawa manusia telah membawa fitrah pengetahuan dalam dirinya ketika dilahirkan. Empirisme lahir di Britain melalui tiga orang pengasas, iaitu David Hume (1711-1776), George Berkeley (1685-1753) dan John Locke (1632-1704). Manakala aliran rasionalisme pula menganggap empirisme memiliki kelemahan karena pancaindera mempunyai kemampuan yang terbatas, sehingga pancaindera hanya diposisikan sebagai medium yang menyebabkan akal bekerja. Beberapa tokoh penting yang berada di sebalik fahaman rasionalisme ini ialah Augustinus, Scotus, Descartes (1596-1650), Spinoza (1632-1677), Leibniz (1646-1716), Fichte (1762-1814), Hegel (1770-1813), dan lain-lain.

Sedangkan aliran positivisme yang dikemukakan August Comte (1855) menyatakan bahawa hasil penginderaan menurut rasionalisme adalah sesuatu yang tidak jelas dan tidak sistematik. Aliran positivisme menganggap bahawa penginderaan itu harus dipertimbangkan oleh akal, kemudian disistemisasi sehingga terbentuk pengetahuan. Umumnya epistemologi-epistemologi dunia barat memperlihatkan bahawa ilmu pengetahuan hanya berpusat pada dua perkara, iaitu pancaindera dan rasional. Sedangkan di dalam Islam, epistemologi tidak hanya berpusat kepada manusia sahaja. Malah manusia bukanlah makhluk mandiri yang dapat menentukan kebenaran seenaknya, tetapi semuanya mesti berpusat kepada Allah. Pecahan aliran falsafah positivisme ini terlalu mempercayai bahawa ilmu pengetahuan perlu didasari oleh pengalaman deria semata-mata, malah mereka menafikan kewujudan alam ghaib (H. Afifuddin & Beni Ahmad Saebani, 2009:22; Mohammed Yusoff Hussain, 2002:85). Hal ini sekali gus menunjukkan mereka tidak mengiktiraf sumber pengetahuan yang berasaskan wahyu Ilahi dan juga intuisi (Muhammad Syukri Salleh, 2001:23).

Berbeza dengan epistemologi Islam yang menurut Amin (1983) terletak pada sumber pengetahuan yang bukan sahaja dari akal (*rasionalisme*) dan pengalaman (*empirisme*), tetapi pengetahuan yang bersumberkan dari wahyu dan ilham. Wahyu merupakan sumber pertama (*primer*) bagi rasul dan nabi untuk memperoleh pengetahuan, sedangkan bagi manusia wahyu merupakan sumber sekunder. Ilham dapat menjadi sumber primer pengetahuan manusia karena dapat diterima oleh setiap manusia yang diberi anugerah oleh Allah.

Methodologi

Kertas kerja ini membincangkan falsafah penyelidikan ilmiah dari sudut epistemologi Islam melalui saranan al Quran dengan menganalisis ayat ayat al Quran bertema Ulul Albab. Perbincangan adalah berdasarkan huraian dan tafsiran ulama silam dengan membuat perbandingan antara falsafah penyelidikan dunia barat dengan dunia Islam serta hubungannya dari perspektif penggunaan kalimah kalimah bahasa Arab dalam ayat ayat bertema ulul albab.

Perbincangan

Kegemilangan dan kecemerlangan Islam dan umatnya semenjak dahulu ialah berasaskan kepada al-Quran. Al Quran sentiasa memberi galakan yang padu supaya manusia menggunakan akal dalam usaha memerhati dan menyelidiki sesuatu fenomena yang berlaku pada persekitaran. Al Quran menolak sebarang taklid, iaitu menerima sesuatu secara melulu, tanpa hujah atau menuruti tradisi nenek moyang semata-mata (Mahmud, 1969:). Terdapat banyak ayat di dalam al Quran yang menyarankan agar manusia melakukan kajian dan penyelidikan. Sebagai bukti ialah surah pertama yang diturunkan kepada Rasulullah iaitu surah al Alaq dengan dimulakan arahan supaya membaca.

An Nashshar (1962) menegaskan bahawa seluruh perbahasan falsafah dalam budaya ilmu Islam adalah berdasarkan hujah al-Quran. Kaedah qiyas (*comparison*) dan metodologi penyelidikan telah dicetuskan sejak generasi pertama Islam lagi. Fenomena positif ini berjaya merangsang umat Islam untuk membongkar dan merintis pelbagai kaedah pengujian dan pemerhatian dalam perkembangan ilmu pengetahuan. Ini merupakan suatu bukti bahawa al-Quran telah membentuk suatu iklim baru yang menganjurkan pengembangan akal fikiran manusia serta menutup segala pintu yang menghalang kemajuan ummah.

Dalam konteks ini, Imam al-Ghazali (1933: 18) telah merumuskan dalam kitabnya *Jawahir al-Qur'an* bahawa al-Quran adalah punca semua cabang keilmuan Islam dan merupakan lautan dalam yang menjadi sumber pelbagai bidang ilmu. Oleh kerana itu Allah swt sangat memuliakan golongan pengkaji, pentadabbur (orang yang merenung) dan pemikir (tafakkur) dengan menggelar mereka sebagai golongan Ulul Albab. Ini terbukti melalui firman Allah dalam surah A'li Imron ayat 190-191 melalui firmannya:

إِنَّ فِي خَلْقِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَاخْتِلَافِ اللَّيْلِ وَالنَّهَارِ لَآيَاتٍ لِّأُولِي الْأَلْبَابِ الَّذِينَ يَذْكُرُونَ اللَّهَ قِيَمًا وَقُعُودًا وَعَلَىٰ جُنُوبِهِمْ وَيَتَفَكَّرُونَ فِي خَلْقِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ رَبَّنَا مَا خَلَقْتَ هَذَا بَطْلًا سُبْحَانَكَ فَقِنَا عَذَابَ النَّارِ .

Maksudnya: Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi, dan pada pertukaran malam dan siang, ada tanda-tanda (kekuasaan, kebijaksanaan, dan keluasan rahmat Allah) bagi orang-orang yang berakal iaitu orang-orang yang menyebut dan mengingati Allah semasa mereka berdiri dan duduk dan semasa mereka

berbaring mengiring, dan mereka pula memikirkan tentang kejadian langit dan bumi (sambil berkata): "Wahai Tuhan kami! tidaklah engkau menjadikan benda-benda ini dengan sia-sia, maha suci engkau, maka peliharalah kami dari azab neraka.

Imam Ibnu Kathir dalam menjelaskan maksud Ulul Albab melalui tafsirnya telah menyatakan bahawa golongan Ulul Albab ialah mereka yang mempunyai akal sempurna lagi bersih yang mengetahui hakikat banyak perkara secara jelas dan menggunakan akal sempurna itu untuk mengkaji sesuatu fenomena sehingga mampu meletakkan sesuatu perkara pada perspektifnya yang betul dan unggul. Menurut Moustafa (2011) istilah Ulul Albab disebut sebanyak 16 kali di dalam al Quran. Berdasarkan urutan susunan al Quran bermula pada surah al Baqarah yang mengandungi tiga ayat iaitu 179, 197 dan ayat 269, surah Ali Imron ayat 7 dan 190, surah al Ma'idah ayat 100, surah Yusuf 111, surah ar Ra'du ayat ke 19, surah Ibrahim ayat 52, surah Sood ayat 29 dan 43, surah Zumar ayat 9, 18 dan 21, surah Ghofir ayat 54 dan surah at Tolaq ayat 10.

Ayat ayat tersebut ialah:

1. Surah al Baqarah ayat 179:

وَلَكُمْ فِي الْقِصَاصِ حَيَوةٌ يَا أُولِي الْأَلْبَابِ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ

Maksudnya: dan di dalam hukuman qisas itu ada jaminan hidup bagi kamu, wahai orang-orang yang berakal fikiran, supaya kamu bertaqwa.

2. Surah al Baqarah ayat 197:

وَتَزَوَّدُوا فَإِنَّ خَيْرَ الزَّادِ التَّقْوَىٰ وَاتَّقُونِ يَا أُولِي الْأَلْبَابِ

Maksudnya: dan hendaklah kamu membawa bekal dengan cukupnya kerana sesungguhnya sebaik-baik bekal itu ialah memelihara diri (dari keaiban meminta sedekah); dan bertaqwalah kepadaku wahai orang-orang yang berakal (yang dapat memikir dan memahaminya).

3. Surah al Baqarah ayat 269:

وَمَا يَذَّكَّرُ إِلَّا أُولُو الْأَلْبَابِ

Maksudnya: dan tiadalah yang dapat mengambil pengajaran (dan peringatan) melainkan orang-orang yang menggunakan akal fikirannya.

4. Surah Ali Imram ayat 7:

وَالرَّسِخُونَ فِي الْعِلْمِ يَقُولُونَ ءَامَنَّا بِهِ كُلٌّ مِّنْ عِندِ رَبِّنَا وَمَا يَذَّكَّرُ إِلَّا أُولُو الْأَلْبَابِ

Maksudnya: dan orang-orang yang tetap teguh serta mendalam pengetahuannya dalam ilmu-ilmu agama, berkata:" kami beriman kepadanya, semuanya itu

datangnya dari sisi tuhan kami" dan tiadalah yang mengambil pelajaran dan peringatan melainkan orang-orang yang berfikiran.

5. Surah Ali Imran ayat 190:

إِنَّ فِي خَلْقِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَاخْتِلَافِ اللَّيْلِ وَالنَّهَارِ لَآيَاتٍ لِّأُولِي الْأَلْبَابِ

Maksudnya: Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi, dan pada pertukaran malam dan siang, ada tanda-tanda (kekuasaan, kebijaksanaan, dan keluasan rahmat Allah) bagi orang-orang Yang berakal.

6. Surah al Ma'idah ayat 100:

فَاتَّقُوا اللَّهَ يَا أُولِي الْأَلْبَابِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

Maksudnya: oleh itu bertaqwalah kepada Allah wahai orang-orang yang berakal fikiran, supaya kamu berjaya.

7. Surah Yusuf ayat 111:

لَقَدْ كَانَ فِي قَصَصِهِمْ عِبْرَةٌ لِّأُولِي الْأَلْبَابِ

Maksudnya: Demi sesungguhnya, kisah Nabi-nabi itu mengandungi pelajaran yang mendatangkan iktibar bagi orang-orang yang mempunyai akal fikiran.

8. Surah ar Ra'du ayat 19:

إِنَّمَا يَتَذَكَّرُ أُولُو الْأَلْبَابِ

Maksudnya: Sesungguhnya orang-orang yang dapat mengambil pelajaran dan peringatan hanyalah orang-orang yang berakal sempurna.

9. Surah Ibrahim ayat 52:

وَلْيَعْلَمُوا أَنَّمَا هُوَ إِلَهٌ وَاحِدٌ وَلْيَذَكَّرَ أُولُو الْأَلْبَابِ

Maksudnya: dan supaya mereka mengetahui (dengan hujjah-hujjah yang tersebut di dalamnya) bahawa sesungguhnya Allah ialah tuhan yang maha esa; dan supaya orang-orang yang mempunyai fikiran, beringat dan insaf.

10. Surah Sood ayat 29:

لِيَدَّبَّرُوا آيَاتِهِ وَلِيَتَذَكَّرَ أُولُو الْأَلْبَابِ

Maksudnya: untuk mereka memahami dengan teliti kandungan ayat-ayatnya, dan untuk orang-orang yang berakal sempurna beringat mengambil iktibar.

11. Surah Sood ayat 43:

وَوَهَبْنَا لَهُ أَهْلَهُ وَمِثْلَهُمْ مَعَهُمْ رَحْمَةً مِنَّا وَذِكْرَى لِرَأْسِ الْأَلْبَابِ

Maksudnya: dan kami kurniakan kepadanya akan keluarganya, dengan sekali ganda ramainya, sebagai satu rahmat dari kami dan sebagai satu peringatan bagi orang-orang yang berakal sempurna (supaya mereka juga bersikap sabar semasa ditimpa malang).

12. Surah az Zumar ayat 9:

إِنَّمَا يَتَذَكَّرُ أُولُو الْأَلْبَابِ

Maksudnya: Sesungguhnya orang-orang yang mahu memikirkan hal itu hanyalah orang-orang yang berakal sempurna.

13. Surah az Zumar ayat 18:

أُولَئِكَ الَّذِينَ هَدَى اللَّهُ وَأُولَئِكَ هُمْ أُولُو الْأَلْبَابِ

Maksudnya: mereka itulah orang-orang yang diberi hidayah petunjuk oleh Allah dan mereka itulah orang-orang yang berakal sempurna.

14. Surah az Zumar ayat 21:

إِنَّ فِي ذَلِكَ لَذِكْرَى لِرَأْسِ الْأَلْبَابِ

Maksudnya: Sesungguhnya Segala Yang tersebut itu mengandungi peringatan Yang menyedarkan orang-orang yang berakal sempurna.

15. Surah Ghafir ayat 54:

هُدًى وَذِكْرَى لِرَأْسِ الْأَلْبَابِ

Maksudnya: sebagai hidayah petunjuk dan peringatan bagi orang-orang yang berakal sempurna.

16. Surah at Tolaq ayat 10:

فَاتَّقُوا اللَّهَ يَا أُولِي الْأَلْبَابِ الَّذِينَ ءَامَنُوا قَدْ أَنزَلَ اللَّهُ إِلَيْكُمْ ذِكْرًا

Maksudnya: maka bertaqwalah kepada Allah wahai orang yang berakal sempurna dari kalangan orang yang beriman. Sesungguhnya Allah telah menurunkan kepada kamu peringatan (Surah at Tolaq: 10).

Artikel ini hanya memilih ayat 190-191 surah Ali Imran sebagai tumpuan perbincangan berdasarkan pandangan para mufassirun dan para ulama. Ayat tersebut ialah:

إِنَّ فِي خَلْقِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَاخْتِلَافِ اللَّيْلِ وَالنَّهَارِ لَآيَاتٍ لِّأُولِي الْأَلْبَابِ الَّذِينَ يَذْكُرُونَ اللَّهَ قِيَمًا وَقُعودًا وَعَلَىٰ جُنُوبِهِمْ وَيَتَفَكَّرُونَ فِي خَلْقِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ رَبَّنَا مَا خَلَقْتَ هَذَا بَطْلًا سُبْحَانَكَ فَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

Maksudnya: Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi, dan pada pertukaran malam dan siang, ada tanda-tanda (kekuasaan, kebijaksanaan, dan keluasan rahmat Allah) bagi orang-orang Yang berakal;191. (Iaitu) orang-orang yang menyebut dan mengingati Allah semasa mereka berdiri dan duduk dan semasa mereka berbaring mengiring, dan mereka pula memikirkan tentang kejadian langit dan bumi (sambil berkata): "Wahai Tuhan kami! tidaklah engkau menjadikan benda-benda ini dengan sia-sia, maha suci engkau, maka peliharalah kami dari azab neraka.

Abu Hayyan di dalam tafsirnya *Bahrul Muhiit* menyatakan maksud tanda kebesaran Allah kepada golongan Ulul Albab ialah mereka yang mempunyai aqal yang kuat yang menganalisis sesuatu secara berfikir dan membuat pembuktian melalui kajian dan penyelidikan secara kritis. Sebab itu di antara ciri utama golongan Ulul Albab ialah mereka mestilah menjadi golongan yang berfikir dan merenung pada penciptaan tujuh petala langit dan bumi secara mendalam. Kata Abu Hayyan lagi, ini termasuk berfikir pada ciptaan ciptaan makhluk yang sebahagiannya mempunyai rupa dan bentuk yang pelik. Lebih lebih lagi kemampuan Allah mewujudkan sesuatu yang tidak wujud pada mulanya lalu menjadi ada. Berfikir pada perkara seperti ini kata Abu Hayyan boleh mencerdas aqal dan mencergas minda. Termasuk juga mengkaji dan membuat *observation* terhadap ciptaan Allah yang terdapat di langit dengan planet dan bintang yang bergemerlapan serta galaksi yang berputar dan berlegar pada orbitnya. Begitu juga membuat kajian dan *observation* terhadap semua benda yang terdapat di bumi yang terdiri dari manusia, binatang, tumbuhan dan galian galian dengan kepelbagaian jenis, bentuk dan saiz. Semua ini menjadi ruang dan medan yang terbentang luas sebagai bahan dan populasi sesuatu kajian.

Al Biqa'iy dalam kitabnya *Nazmud Durar* pula menyatakan bahawa ayat 190-191 surah Ali Imran ini datang setelah ayat sebelumnya dengan gertakan tentang azab siksaan terhadap golongan Ahlul Kitab yang banyak menyembunyikan isi kandungan kitab Allah. Lalu ayat 190-191 surah Ali Imran datang dengan galakan penyebaran seluas luasnya lautan ilmu dan pengetahuan dengan syarat

setiap sesuatu itu perlu kepada pembuktian tertentu melalui penemuan penemuan pada dapatan kajian dan penyelidikan yang dilaksanakan. Pada pandangan al Biqa'iy penghujungan ayat 190 surah Ali imran yang diakhiri dengan “La aayatil Liulil Albab” menunjukkan betapa tingginya dorongan agar manusia berfikir atas sesuatu isu dan fenomena dengan melaksanakan kajian dan penyelidikan secara mendalam.

Ibnu Qayyim al Jauzi pula menyatakan melalui ayat 190-191 surah Ali Imran ini Allah memuji para hambanya yang banyak melakukan renungan dan berfikir pada setiap perkara dengan mendalam. Manakala Ibnu Kathir juga menyatakan bahawa pengakhiran ayat 190 surah Ali Imran dengan “La aayatil Liulil Albab” menunjukkan bahawa hanya yang membuat kajian dan penyelidikan terhadap sesuatu perkara sahaja yang dikira mempunyai ketinggian aqal fikiran yang memahami sesuatu hanya melalui kajian dan penyelidikan yang mendalam.

Rumusan

Ternyata dari apa yang dibentangkan, terdapat banyak sekali saranan dan galakan dari al Quran tentang kepentingan merenung dan membuat pemerhatian (*observation*) terhadap fenomena fenomena tertentu. Hasil sesuatu pemerhatian akhirnya akan menjurus kepada kajian mendalam dan bakal menimbulkan suatu dapatan baru. Namun terdapat perbezaan dalam dunia penyelidikan antara dunia Islam dan dunia barat, dimana penyelidikan di barat tidak mensasarkan natijah tauhid dan aqidah. Hasil penelitian ayat al Quran bertema Ulul Albab juga mendedahkan betapa para ulama silam hampir semuanya bersepakat menyatakan tentang saranan dan galakan agar manusia melakukan kajian dan penyelidikan bagi mencapai kemajuan di dunia dan diakhirat.

Rujukan

- Abu Hayyan al Andalusi, Al Bahrul Muhit. Darul Kutub Ilmiah Beirut Lubnan. (1993).
- An-nashshar, ‘Ali Sami, Dr., Nash’atu ‘l-fikri ‘l-falsafi fi ‘l-Islam, 4th ed., Cairo, Daru ‘lMa‘arif, 1966.
- Auguste Comte(1855), Positive Philosophy of Auguste Comte, translated by Harriet Martineau, Kessinger Publishing, Paperback, 2003; also available from the McMaster Archive for the History of Economic Thought.
- Amin, Miska, M.(1983), Epistemologi Islam. Yakarta: Universitas Indonesia Press.
- Al Ghazali. Ihya Ulumuddin. Darus Sya’bu Kaherah.
- Abdullah Ghani, (t,t). Penyelidikan Merupakan Suatu Seni Menyingkap Pengetahuan Baru. Universiti Utara Malaysia.
- Hussein Modarressi al Tabataba’i (1984) An Introduction to Shi’a Law (London: Ithaca) p. 44.
- H. Afifuddin & Beni Ahmad Saebani (2009). *Metodologi Penelitian Kualitatif*. Bandung: CV Pustaka Setia.

- Ibnu Kathir. Tafsir al Quranul Azim. Maktabah Auladu Syeikh Litturas. Gizah, Mesir.
- Muhammad Syukri Salleh (2001, Oktober-Disember). “Konsep dan Perkaedahan Pengurusan Pembangunan Berteraskan Islam”, *Pemikir* (26), hlm. 1-47.
- Mohammed Yusoff Hussain (2002). *Pengenalan kepada Sejarah Falsafah Barat Moden*. Selangor: Karisma Publications Sdn. Bhd.
- Muhammad Mumtaz Ali (1994). *Islamic and Western Philosophy of Knowledge: Contemporary Methodological Issues*. Petaling Jaya: Pelanduk Publications.
- Nasrah, “Pengetahuan Manusia dan Epistemologi Islam”, Universitas Sumatera Utara
- Nasution, Khoiruddin (2009), “Pengantar Studi islam”. Yogyakarta: Tazzaff dan ACAdemia.
- Nasution, Harun, (1973). *Falsafat Agama*. Jakarta: Bulan Bintang.
- Qurtubi, Abi ‘Abdullah Muhammad bin Ahmad Ansari (t.t) ‘Amad Zaki al-Barudi dan Khairi Sai’d (ed) *Al-Jam‘i li Ahkam al-Qur’an* (Tafsir al-Qurtubi) Mesir: Maktabah at-Taufiqiyah.
- Runes, Dagobert, D., (1971). *Dictionary of Philosophy*. Totowa New Jersey: Adam & Co.
- Sardar Ziauddin, Ed. (1984). *The Touch of Midas. Sciences, Values and Environment in Islam and the West*. Manchester: Manchester University Press.
- Sekaran, U. (2000). *Research Methods For Business A Skill Building Approach*. Third Edition. New York, NY: John Wiley and Sons, Inc.
- Zainuddin, M (2003). “Filsafat Ilmu Perspektif Pemikiran Islam”. Yogyakarta : Bayu Media.